



# PROTES DENGAN SELAMAT DI MALAYSIA



## MAKLUMAT UMUM UNTUK MENYERTAII PROTES DENGAN SELAMAT DI MALAYSIA:



Jika pegawai polis yang tidak berpakaian seragam menghentikan anda:

Minta untuk melihat **kad kuasa polis** mereka. Pegawai yang digantung mempunyai kad merah dan **tidak mempunyai kuasa** terhadap anda.



Anda hanya perlu memberikan **nama, nombor kad pengenalan dan alamat** apabila disoal oleh pegawai polis berpakaian seragam atau tidak.



Jika terdapat soalan lanjut, tanya sama ada anda ditahan atau tidak.

- Jika anda tidak ditahan, anda boleh beredar.
- Jika anda seorang saksi, **anda tidak boleh ditahan**. Namun, anda mungkin diminta memberikan kenyataan (Borang 112). Berikan kerjasama dan tentukan masa dan tempat yang sesuai.
- Jika ditahan, jangan melawan. Anda **berhak untuk bertanya sebab penahanan** dan untuk dibawa ke balai polis terdekat. Anda juga berhak menghubungi keluarga atau peguam.

*Tip: Intimidasi boleh merangkumi penggunaan kekerasan fizikal atau berlebihan terhadap individu yang mematuhi arahan.*

Layari laman mikro kami untuk maklumat lanjut:  
[unsilenced.amnesty.my](https://www.unsilenced.amnesty.my)

Source: The Malaysian Bar Association

## MAKLUMAT UMUM UNTUK MENYERTAII PROTES DENGAN SELAMAT DI MALAYSIA:



Pastikan anda mempunyai maklumat tentang **risiko dan manfaat** yang terlibat. Jika tidak pasti, berbincang dengan penganjur atau penasihat undang-undang.

Contohnya, setakat tahun 2026, terdapat moratorium terhadap Seksyen 9(5), yang mewajibkan notis polis 5 hari. Namun, undang-undang belum dipinda lagi dan protes bersifat spontan boleh berisiko lebih tinggi.



Sediakan pelan keselamatan. Setelah anda membuat keputusan untuk menyertai protes, maklumkan orang yang dipercayai tentang lokasi, dan jangkaan waktu pulang.

- Beritahu mereka yang perlu dilakukan jika anda tidak pulang dengan selamat.
- Semasa protes, **beri perhatian kepada arahan marsyal**. Tugas mereka adalah untuk memastikan keselamatan.



Ambil langkah untuk meningkatkan keselamatan digital anda. **Log keluar** daripada **akaun media sosial pada telefon**, dan **aktifkan kata laluan untuk data peribadi**. Pegawai berpangkat Inspektor boleh menyemak telefon dengan 'syak wasangka yang munasabah' terhadap kesalahan.

## APA ITU KEINGKARAN AWAM?

### & MENGAPA IA ADALAH HAK ASASI MANUSIA?

KEINGKARAN AWAM ialah satu taktik campur tangan aktif yang digunakan sebagai sebahagian daripada strategi kempen yang lebih luas untuk meningkatkan kesedaran, menambah tekanan dan mempromosikan perubahan tertentu.

Bantahan & perhimpunan ialah satu bentuk keingkaran awam dan merupakan cara penting di mana hak kebebasan hati nurani, kebebasan bersuara dan berhimpun secara aman dapat dilaksanakan.

Keingkaran awam ialah satu hak selaras dengan undang-undang antarabangsa apabila dilaksanakan tanpa keganasan. Pentingnya adalah perkara ini sah walaupun ia melanggar undang-undang dan sekatan domestik.

Apabila protes mencabar undang-undang domestik, adalah penting bahawa manfaatnya melebihi risiko yang berpotensi serta terdapat pengurusan risiko yang dipertingkatkan untuk keselamatan.

## 5 PANDUAN UNTUK MENGANJURKAN PROTES YANG SELAMAT



### KOMITMEN TANPA KEGANASAN

Selaras dengan undang-undang dan piawaian antarabangsa.

### SOALAN: ADAKAH IA BERBALOI DENGAN RISIKONYA?

Berdasarkan penilaian menyeluruh terhadap risiko & manfaat. Ini merupakan komponen penting dalam usaha wajar penganjur. Pertimbangan: Adakah ia akan membawa nilai tambah kepada komuniti tertentu?



### MENJAGA KESELAMATAN PESERTA & MEMASTIKAN PERSETUJUAN YANG DIMAKLUMKAN TERLEBIH DAHULU.

Ambil langkah untuk mengurangkan risiko kepada hak peserta. Ini termasuk pendedahan penuh potensi risiko & faedah.

### MEMASTIKAN LATIHAN YANG MENCUKUPI DAN SESUAI UNTUK SEMUA.

Contohnya, peserta protes, marsyal atau pemerhati protes.



### BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP TINDAKAN ANDA.

Penganjur harus bertanggungjawab terhadap akibat tindakan keingkaran awam & tidak menarik balik.

Tip: Sebagai sebahagian daripada usaha mereka, penganjur lazimnya mempunyai peguam yang bersedia untuk membantu. Anda boleh memaklumkan kepada penganjur lebih awal sekiranya anda memerlukan bantuan guaman berkenaan sebarang urusan atau prosiding dengan pihak polis.

## PERSEDIAAN UNTUK KEINGKARAN AWAM

Berikut adalah beberapa pertimbangan utama dalam merancang keingkaran awam:

### > Memahami kesesuaian dan konteks tempatan

- Fahami konteks sosio-politik tempatan, termasuk corak tindak balas pihak polis kebelakangan ini serta pendirian kerajaan.
- Pertimbangkan undang-undang yang secara sejarahnya digunakan terhadap penunjuk perasaan. Di Malaysia, ini termasuk Akta Perhimpunan Aman, Akta Hasutan, dan Akta Komunikasi dan Multimedia.

### > Utamakan kepelbagaian, keterangkuman dan penyertaan aktif

- Bekerjasama dengan ahli komuniti dan aktivis sebagai pembuat keputusan atau rakan kongsi aktif dalam setiap peringkat perancangan. Ini akan menyokong hasil membawa nilai tambah yang jelas kepada komuniti.
- Pertimbangkan bagaimana protes boleh memberi kesan berbeza kepada aktivis & komuniti berdasarkan jantina, kaum, keupayaan dan faktor lain.
- Sertakan langkah-langkah khusus bagi memastikan penyertaan yang selamat.

